

AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 1****RUANGAN : MUKA DEPAN**

Saringan berkala penjawat awam enggan divaksin

Oleh Suzalina Halid

suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penjawat awam, termasuk guru yang enggan mengambil vaksin COVID-19 mungkin diwajibkan mengambil ujian saringan berkala, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Beliau berkata, kaedah pengambilan ujian saringan mungkin digunakan sebagai pendekatan dalam menyelesaikan isu penjawat awam yang masih tidak mahu mengambil vaksin.

Katanya, cadangan itu bagaimanapun akan dimuktamadkan melalui mesyuarat bersama membabitkan pihak berkepentingan yang dijadual diadakan

minggu ini.

"Perbincangan dijangka diadakan bersama Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mencari satu pendekatan terbaik dalam menyelesaikan isu berhubung wujudnya sebilangan penjawat awam yang masih enggan mengambil vaksin," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmanin, Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan agar kerajaan mengeluarkan peraturan khusus mengenai penjawat awam yang masih tidak mengambil vaksin dengan menjelaskan tindakan dan pendekatan perlu dilakukan terhadap golongan itu da-

lam isu pengambilan vaksin.

Presidennya, Adnan Mat berkata, ia penting bagi mengelakkan kerajaan terdedah kepada risiko tindakan undang-undang daripada kumpulan penolak vaksin sekiranya garis panduan atau undang-undang jelas mengenai pengambilan vaksin, belum dikuatkuasakan.

Beliau berkata, CUEPACS turut berpandangan satu garis panduan perlu dikeluarkan kerajaan bagi mengelak majikan membuat keputusan berdasarkan pandangan mereka sendiri sedangkan masih tiada undang-undang mewajibkan pengambilan vaksin COVID-19 di negara ini.

Nasional 2

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Sedia panduan tindakan untuk kakitangan tolak vaksin

Dari Muka 1

Mengulas lanjut, Mohd Khairul berkata, pendekatan yang boleh diambil adalah membabitkan punca kuasa pentadbiran sahaja berikut pengambilan vaksin ini tidak diwajibkan lagi.

"JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) akan tengok secara keseluruhan isu ini dan panggil kementerian berkaitan untuk mencapai satu pendekatan terbaik yang boleh dilaksanakan.

"Mungkin pendekatan yang akan diambil adalah menggunakan pakai kaedah ujian saringan, namun kena tentukan juga siapa yang nak bayar kos itu nanti.

"Apapun perkara ini akan dileraikan bersama pihak berkepentingan," katanya.

Beliau berkata, selain pembabitan Kementerian Pendidikan, KKM dan KPT, mesyuarat akan turut disertai penasihat undang-undang.

Katanya, perkara itu perlu diteliti secara lanjut dan arahan akan diberikan secara pentad-

biran tanpa melanggar peruntukan undang-undang yang ada.

"Kita perlu tengok peruntukan undang-undang secara pentadbiran untuk memastikan penjawat awam tidak bawa mudarat kepada orang lain," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan terdapat sebilangan penjawat awam membabitkan guru enggan mengambil vaksin COVID-19 atas pelbagai alasan.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, dilaporkan berkata guru yang enggan menerima vaksin tidak akan dibenarkan mengajar secara bersama-muka apabila sesi persekolahan dibuka pada 3 Oktober nanti.

Keputusan itu dibuat kerana timbul persoalan terhadap guru yang enggan menerima vaksin COVID-19.

Difahamkan, setakat ini, terdapat 2,500 daripada keseluruhan lebih 400,000 guru masih enggan menerima vaksin atas pelbagai alasan.

Pada 22 Ogos lalu, EXCO Pendidikan, Penerangan, Warisan

dan Budaya Johor, Mazlan Bu-jang, mendedahkan 779 guru di negeri terbabit enggan menerima vaksin COVID-19, sekali gus mengundang keimbangan menjelang pembukaan semula sekolah menjelang 3 Oktober depan.

Susulan itu, lima hari kemudian Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim menerima menghadap guru yang menolak vaksin bersama Pe-mangku Pengarah Pelajaran Johor, Shahilon Abd Halim bagi mencari penyelesaian isu itu.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah juga baru-baru ini menzahirkan kekecewaan apabila 450 guru, merangkumi sekolah rendah dan menengah kebangsaan di negeri berkenaan mengambil sikap sama, iaitu enggan menerima vaksin COVID-19.

Jumaat lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata dasar mewajibkan pengambilan vaksin dalam kalangan guru di sektor pendidikan akan diperhalusi kerana ia membabitkan imp-

likasi perundungan.

Sehubungan itu, beliau berkata, perbincangan lanjut berhubung perkara itu akan dilaksanakan dengan Kementerian Pendidikan secepat mungkin.

Katanya, pendekatan berhubung keperluan pengambilan imunisasi COVID-19 yang digunakan ketika ini untuk warga pendidik bagaimanapun masih berdasarkan konsep sukarela.

Sementara itu, dalam reaksi balasnya, CUEPACS tetap bertegas supaya penjawat awam harus mendahulukan dasar kerajaan dengan mengambil suntikan vaksin COVID-19.

Adnan turut mempersoalkan bagaimana penjawat awam yang juga tulang belakang kerajaan mahu melaksanakan dasar negara sedangkan pada masa sama mereka tidak menyokong pembenaran vaksin yang menjadi agenda utama kebangsaan.

"Adalah penting untuk penjawat awam mewujudkan tempat kerja yang selamat dan memberi perlakuan yang selamat kepada orang ra-

mai secara selamat kerana mereka juga adalah pemangkin untuk memperhebatkan sektor ekonomi negara.

"Jika mereka enggan divaksin maka akan timbul keadaan seolah-olah penjawat awam tidak kuat atau tegas untuk melaksanakan dasar kerajaan," katanya.

Presiden Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Awam Malaysia (GAKUM), Zulkifli Mohammed, pula berkata, cadangan mewajibkan ujian sarigan adalah rasional untuk dilaksana bagi memastikan penjawat awam yang enggan divaksin bukan pembawa virus COVID-19.

"Perlu ada ujian saringan sebab kita tidak mahu mereka yang bertugas membahayakan orang lain.

"Lebih penting kerajaan perlu tampil dengan garis panduan bagi membolehkan ketua jabatan membuat tindakan yang jelas terhadap kakitangan enggan divaksin supaya tidak timbul sebarang salah faham nanti," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 3****RUANGAN : NASIONAL**

20,396 jangkitan baharu dilapor

Kuala Lumpur: Sebanyak 13,519 kes atau 66.3 peratus daripada keseluruhan 20,396 kes COVID-19 yang dilaporkan semalam, sama ada tiada sejarah vaksinasi, sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin atau menerima dua dos tetapi belum melebihi 14 hari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdulrahman berkata, 6,877 kes atau 33.7 peratus lagi mempunyai sejarah vaksinasi lengkap.

Katanya, jumlah kes baharu direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes jangkitan COVID-19 di negara sebanyak 1,844,835 kes.

"Daripada 322 kes kategori 3 hingga 5, sebanyak 240 atau 74.5 peratus terdiri daripada mereka yang tiada sejarah vaksinasi atau tidak lengkap vaksinasi berbanding hanya 82 kes atau 25.5 peratus mereka yang lengkap vaksinasi.

"Situasi ini jelas menunjukkan mereka yang lengkap divaksin adalah lebih terlindung dan kurang berisiko mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, perkembangan positif dapat terus dilihat sekiranya Malaysia mencapai kadar vaksinasi yang lebih tinggi.

Sementara itu, Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi dengan 3,886 kes, diikuti Sarawak (3,747), Johor (2,165), Sabah

(2,136), Pulau Pinang (1,961), Kedah (1,587), Kelantan (1,078), Perak (1,057), Terengganu (861), Kuala Lumpur (597), Pahang (486), Melaka (459), Negeri Sembilan (269), Perlis (78), Putrajaya (25) dan Labuan (4).

Mengenai kes sembuh, beliau berkata, sebanyak 20,573 kes pulih dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh daripada jangkitan itu setakat ini sebanyak 1,570,827.

Bagi kematian, sebanyak 336 kes dilaporkan semalam membabitkan 274 warganegara dan 62 bukan warganegara dengan 107 adalah kes kematian di rumah atau *brought-in-dead* (BID), menjadikan jumlah keseluruhan kematian sebanyak 18,219 kes.

Dr Noor Hisham berkata, 1,338 kes pula memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) di mana 959 kes disahkan COVID-19, 379 lagi adalah kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan, manakala 735 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada 735 kes berkenaan, katanya, sebanyak 436 pesakit disahkan dijangkiti COVID-19, manakala 299 lagi adalah kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan.

Mengenai 37 kluster baharu yang dikesan semalam, beliau berkata, ia membabitkan 21 kluster di tempat kerja, komuniti (12), kumpulan berisiko (3) dan dalam pusat tahanan (1), semua-sya sudah menjangkiti 1,124 individu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Remaja Sarawak mula divaksin Rabu

Proses vaksinasi individu berusia 18 tahun ke bawah dijangka lancar

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

Kuching: Proses vaksinasi remaja di Sarawak dijangka bermulai Rabu ini, kata pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri Sarawak, berkata

pada masa ini pihaknya sedang melaksanakan persiapan akhir bagi proses vaksinasi berkenaan.

"Kita akan umumkan secara terperinci kalau persiapan sudah selesai. Buat masa ini kita masih membuat persiapan untuk melaksanakannya," katanya dalam



Douglas Uggah Embas

vaksin di negeri itu yang sudah mencapai kadar sasaran lebih 80 peratus populasi dewasa divaksin.

Sementara, Penasihat JPBN, Datuk Seri Dr Sim Kui Hian, dalam kenyataan bersinggah, menyampaikan penghargaan kepada Khairy kerana menyokong Sarawak memberi vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 18 tahun mulai minggu depan.

Katanya, usaha berkenaan sepatutnya dilaksanakan lebih awal, tetapi disebabkan perubahan politik pada peringkat Persekutuan, ia tertunda lebih



Remaja berusia 18 tahun ke bawah bakal menerima suntikan vaksin COVID-19 Rabu ini.

(Foto hiasan)

dua minggu.

"Remaja berusia 12 hingga 18 tahun merangkumi 10 peratus daripada jumlah penduduk Sarawak.

"Di negeri ini, kita harus memvaksinasi sebilangan besar penduduk kerana varian Delta mengubah konsep 70 hingga 80 peratus kelompok imuniti di se-

luruh dunia," katanya.

Dr Sim yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan turut memberi jaminan vaksinasi remaja akan dapat dilaksanakan dengan cepat dan lancar, seperti prosedur ke atas golongan dewasa apabila lebih satu juta dos diberikan dalam tempoh 18 hari pada Jun lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Vaksinasi remaja di Sarawak bermula Rabu ini

Kuching: Vaksinasi Covid-19 bagi remaja berusia bawah 18 tahun di Sarawak dijangka akan bermula Rabu ini, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Uggah yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak berkata, ketika ini negeri itu di peringkat akhir melaksanakan persiapan untuk melaksanakan vaksinasi kumpulan berkenaan.

"Sekarang kita sedang membuat persiapan untuk melaksanakan program ini susulan pengumuman Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin kelmarin bahawa program yang akan dilaksanakan di seluruh negara itu akan dimulakan di Sarawak pada Rabu ini."

"Ini kerana Sarawak sudah mencapai kadar sasaran lebih 80 peratus populasi dewasanya sudah divaksin," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO**MUKA SURAT : 9****RUANGAN : COVID-19**

336 kematian

20,396 kes positif direkod KKM semalam

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 20,396 kes Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes positif di negara ini adalah 1,844,835 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 13,519 kes tiada sejarah vaksinasi, sudah menerima satu dos vaksin atau menerima dua dos vaksin, tetapi tidak melebihi 14 hari.

Menurutnya, 6,877 kes lagi mempunyai sejarah vaksinasi lengkap.

"Daripada 322 kes kategori tiga hingga lima, sebanyak 240 kes terdiri daripada mereka yang tiada sejarah vaksinasi atau tidak



lengkap vaksinasi berbanding hanya 82 kes yang lengkap divaksinasi.

"Situasi ini jelas menunjukkan mereka yang lengkap divaksinasi adalah lebih terlindung dan kurang berisiko mendapat jangkitan Covid-19 yang teruk," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, perkembangan positif ini dapat terus dilihat sekiranya Malaysia mencapai kadar vaksinasi yang lebih tinggi.

"Selangor masih kekal menjadi negeri yang mencatat kes harian paling tinggi iaitu 3,886 kes diikuti Sa-

rawak (3,747), Johor (2,165), Sabah (2,136), Pulau Pinang (1,961) dan Kedah (1,587).

"Selain itu, Kelantan mencatatkan kes baharu empat angka iaitu 1,078 kes diikuti Perak (1,057), Terengganu (861), Kuala Lumpur (597), Pahang (486), Melaka (459) dan Negeri Sembilan (269)," katanya.

Menurutnya, Perlis dan Putrajaya masing-masing mencatatkan 78 dan 25 kes manakala Labuan merekodkan empat kes.

"Sebanyak 20,573 kes dilaporkan pulih menjadikan jumlah kes pulih kepada 1,570,827.

"Pada masa sama, 336 kes kematian dilaporkan membabitkan 274 warganegara dan 62 bukan warganegara dengan 107 adalah kes kematian di rumah (BID) menjadikan jumlah keseluruhan kematian kepada 18,219 kes," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Kes meninggal dunia di luar hospital sebanyak 107 kes, rekod tertinggi negara

Kes kematian kekal melebihi 300

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Kes kematian harian masih melepas angka 300 selama tiga hari berturut-turut dengan 336 kes dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 sebanyak 18,219 kes.

Kelmanin, jumlah kematian yang dilaporkan sebanyak 362 kes dan diikuti 330 pada hari berikutnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes aktif pula merekodkan sebanyak 255,789 kes termasuk 959 kes dirawat di unit rawatan rapi dan 436 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 20,396 kes baharu (dilaporkan semalam) dengan lapan daripadanya kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 sebanyak 1,844,835 kes," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, Selangor masih negeri tertinggi merekodkan jangkitan dengan 3,886 kes, diikuti Sarawak (3,747), Johor (2,165) dan Sabah (2,136).

"Pulau Pinang pula sebanyak 1,961 kes, Kedah (1,587), Kelantan (1,078), Perak (1,057), Terengganu



SUASANA orang ramai ketika membeli-belah barang keperluan di Pasar Payang, Kuala Terengganu semalam. — PUQTRA HAIRY

(861), Kuala Lumpur (597), Pahang (486), Melaka (459) dan Negeri Sembilan (269). Perlis pula sebanyak 78 kes, Putrajaya (25) dan

Labuan (empat)," katanya.

Kes sembuh mencatatkan sebanyak 20,573 kes semalam, menjadikan jumlah kes sembuh

sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 1,570,827 kes," katanya.

Sementara itu, kes meninggal dunia di luar hospital atau

brought-in-dead merekodkan jumlah tertinggi negara semalam iaitu sebanyak 107 kes berbanding 104 kes kelmarin.

Pelakon kecewa dihalang rakam video ketika vaksin

KLUANG — Pelakon dan penyanyi, Sam Suahid kecewa apabila dia dan isteri dihalang daripada merakamkan gambar serta video ketika janji temu suntikan vaksin di Pusat Penyampaian Vaksin (PPV) di bangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di sini pada akhir Ogos lalu.

Sam, 27, yang juga Penyelaras Pertubuhan Ikatan Sahabat-Sahabat Perjuangan Nusantara daerah Kluang berkata, laranjan itu menafikan hak setiap individu bagi merekodkan bukti mereka telah divaksin.

"Pertama, Yang Berhormat Menteri Mosti dan kini Menteri Kesihatan (Khairy Jamaluddin Abu Bakar) menyatakan bahawa dibenarkan untuk merakam ketika divaksin, itu hak kita kerana yang disuntik itu adalah ke dalam badan kita.

"Kedua, tujuan rakaman ketika divaksin adalah semestinya untuk ketulusan dan keselamatan. Ini juga dapat membantu petugas di PPV sekiranya mereka terlepas

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	20,396
Import:	8
Tempatan:	20,388
Pulih	20,573
Kematian	336
Masih dirawat	255,789
Jumlah kes sembuh	1,570,827
Jumlah Kematian	18,219
Jumlah kes keseluruhan	1,844,835

pandang ketika suntikan vaksin termasuklah picagari yang isinya kosong dan sebagainya.

Terdahulu, tular di media sosial mengenai arahan daripada individu yang mendakwa penyelaras PPV LHDN Kluang tidak membenarkan rakaman video ketika suntikan vaksin.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Rakyat lega harga kit Covid-19 murah

Harga siling kit ujian pantas Covid-19 bantu rakyat bantu rakyat perolehi kemudahan dengan pantas

SHAH ALAM

Rata-rata individu berpendapatan sederhana menerima baik keputusan penguatkuasaan harga siling kit ujian pantas antigen Covid-19 yang dijual pada harga RM16 (borong) dan RM19.90 (runcit) bagi satu set yang berkutu kuasa pada Ahad.

Menurut peniaga kedai alat jahitan, Dayang Syafiqah Sallehan, 25, kadar penetapan harga baharu tersebut merupakan langkah tepat dalam usaha kerajaan untuk tidak membebankan rakyat bagi mencegah penularan wabak Covid-19 daripada terus berleluasa.

"Kadar harga yang ditetapkan bagi satu set juga berbaloi dan tidaklah terlalu mahal, saya sebagai peniaga memang sangat memerlukan kit ujian tersebut apatah lagi dengan rutin harian yang sentiasa berurus dengan orang ramai."

"Saya yakin harga baharu ini tidak akan membebankan pengguna dan sangat bersesuaian dengan pasaran ekonomi di mana ia dapat membantu golongan seperti pekerja kilang, guru dan peniaga membuat ujian kendiri di rumah tanpa perlu hadir ke klinik atau pusat saringan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Pada Khamis, harga borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 diletakkan di bawah kawalan menerusi



DAYANG SYAFIQAH



KHAIRUL AZHAR



ARINA



HARIZ AZHAR



NIK MOHAMAD AIFAA



PUTERI NUR IMAN



Akta Kawalan Harga dan Anticipatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memilih untuk memihak kepada pengguna bagi mengurangkan beban yang ditanggung berikutan harga kit ujian kendiri yang tinggi.

Bagi Khairul Azhar Othman, 37, yang bekerja sendiri juga beranggapan harga baharu tersebut merupakan harga mampu milik untuk setiap rakyat sama ada yang tinggal di bandar maupun luar bandar.

"Sebagai contoh jika dalam satu keluarga ramai yang dijangkiti Covid-19 atau bersesuaian dengan pasaran ekonomi di mana ia dapat membantu golongan seperti pekerja kilang, guru dan peniaga membuat ujian kendiri di rumah tanpa perlu hadir ke klinik atau pusat saringan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Jika hendak dibandingkan dengan harga sebelum ini yang agak besar nilainya bagi sesetengah pihak, ditambah dengan keadaan ekonomi sekarang di mana ramai

yang tidak dapat bekerja akibat pandemik, ia akan menyukarkan rakyat untuk membeli kit ujian pantas antigen Covid-19 ini," katanya.

Seorang peniaga barang kesihatan, Arina Akhir, 30, turut bersetuju dengan penetapan harga tersebut yang bersesuaian keadaan ekonomi dan pendapatan rakyat sekarang.

"Terdapat sesetengah pihak yang membeli kit ujian tersebut dengan jumlah yang banyak, jadi harga yang tinggi akan menyebabkan rakyat terbeban dan ada kemungkinan golongan kurang berkemampuan, tidak dapat membelinya.

"Tanpa penetapan harga, pihak tidak bertanggungjawab akan mengambil peluang untuk menjualnya dengan harga yang tidak masuk akal," ujarnya.

Seorang pekerja swasta, Hariz Azhar, 26, berpendapat harga kit ujian Covid-19 sememangnya perlu dikawal selia sejak awal lagi dan harga baharu mampu milik yang ditentukan oleh kerajaan diharap akan bantu mengurangkan beban rakyat.

"Dalam menempuh hidup sewaktu musim pandemik ini, kit ujian Covid-19 merupakan antara barang keperluan penting yang harus dimiliki oleh rakyat di setiap rumah," katanya.

Persediaan hadapi endemik

Nik Mohamad Aifaa, 27, yang merupakan pengendali media sosial pula menyifatkan penetapan harga siling itu tepat pada waktunya memandangkan Malaysia akan mengalami fasa endemik di mana rakyat perlu hidup bersama virus Covid-19.

"Apabila harga murah, orang yang kurang berkemampuan terutamanya golongan miskin bandar dapat beli dan lakukan ujian tersebut bagi mencegah keluarga mereka dari Covid-19," katanya.

Bagi Puteri Nur Iman Ismail, 21, yang merupakan peniaga kek, bersetuju dengan pengumuman itu di mana pengetahuan harga siling bagi kit ujian kendiri Covid-19 mampu membantu mengawal harga barang tersebut dari dimanipulasi oleh pihak yang tidak ber-

tanggungjawab.

"Dengan ada harga siling itu, mana-mana pihak tidak boleh sesuhi hati menaikkan harga barang ini.

"Ia akan membantu golongan sederhana untuk dapat kit ujian kendiri itu bagi mengelakkan penularan virus Covid-19," katanya.

Operator kilang, Muhammad Aliff Abd Aziz, 24, berkata, penetapan harga siling bagi kit ujian kendiri Covid-19 memberi gambaran positif terhadap usaha kerajaan dalam menangani wabak tersebut.

"Harga kit ujian kendiri yang murah dan berpatutan memberi manfaat dari segi mencegah penularan jangkitan Covid-19 dalam komuniti selain cara penggunaan yang mudah dan keputusan ujian yang pantas," katanya.

Turut senada pandangan dengan Muhammad Aliff ialah Eksekutif IT, Mohamad Arif Mohamad Zain, 24, yang menyifatkan harga kit ujian kendiri itu mampu memberi kesedaran kepada orang awam untuk melakukan ujian saringan Covid-19.


"Saya rasa apabila harga turun orang akan beli untuk lakukan ujian sama ada mereka positif atau tidak.

"Secara tak langsung ia akan membantu mencegah penularan Covid-19 dalam komuniti," katanya.

Bagaimanapun, dalam kebanyakan individu yang menyuarakan persetujuan atas pelaksanaan harga baharu kit ujian Covid-19, berbeza pula dengan seorang penghantar makanan, Luqmanul Hakeem Khairul Anuar, 25, apabila kurang bersetuju dengan penetapan harga baharu tersebut.

Katanya, harga yang ditetapkan agak mahal dan dilihat tidak berpatutan untuk golongan B40 berbanding negara luar yang memberikan kit ujian tersebut secara percuma kepada rakyatnya.

"Bagi saya, jika harganya dapat diturunkan pada RM10 satu set, setidaknya dapat memberi peluang kepada golongan B40 membelinya untuk semua ahli keluarga dan membantu mereka mengesan virus ini di rumah," ujarnya.



Kit ujian pantas antigen Covid-19 kini dijual pada harga RM 19.90 seunit di farmasi seluruh negara.

AKHBAR : SINAR HARIAN**MUKA SURAT : 7****RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

Harga siling kit ujian Covid-19: Farmasi komuniti tanggung rugi

SHAH ALAM - Penetapan harga maksimum kit ujian kendiri Covid-19 menyebabkan ramai pengusaha farmasi komuniti kecil terutamanya farmasi bumiputera terpaksa menanggung kerugian disebabkan tempahan awal telah dibuat kepada pembekal pada Julai lalu.

Pengerusi Persatuan Farmasi Bumiputera Malaysia (Bumifarma), Rahman Baco berkata, mereka telah membayar dengan harga RM27 untuk setiap kit, tetapi kit hanya boleh dibekalkan pada penghujung Ogos dengan alasan perlu utamakan stok kepada pihak kerajaan terlebih dahulu.

"Bekalan kit ujian diterima kebanyakan farmasi komuniti setelah sebulan bayaran pra pesanan dibuat kepada pembekal.

"Belum sempat stok ini dijual kepada pengguna, kerajaan mengumumkan penetapan harga siling RM19.90 dan menimbulkan persepsi negatif masyarakat kepada farmasi komuniti yang didakwa

mengaut keuntungan besar daripada penjualan kit ujian ini," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Pada Khamis, kerajaan menetapkan harga borong dan runcit maksimum Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen Covid-19 masing-masing dikawal pada

RM16 dan RM19.90. "Akan tetapi Pengurusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) amat mendukacitakan kerana tidak memaklumkannya kepada Farmasi Komuniti Bebas dan Fasiliti Kesihatan lebih dahulu.

"Kami harap pada masa akan datang Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan kementerian turut ambil kira pandangan kami dalam menetapkan dasar serta mutu perkhidmatan kesihatan negara," katanya.



Seorang pelanggan sebuah farmasi di Bangsar, Kuala Lumpur melihat beberapa jenis kit ujian pantas antigen Covid-19 yang kini dijual pada harga baharu yang ditetapkan kerajaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Lapan negeri kekal empat angka

Malaysia catat 20,936 kes positif menjadikan kes kumulatif di negara ini berjumlah 1,844,835

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Malaysia merekodkan 20,396 kes baru dengan lapan negeri kekal di paras empat angka menjadikan kes kumulatif di negara ini berjumlah 1,844,835 kes pada Ahad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor kekal mencatat kes tertinggi iaitu 3,886 kes, diikuti Sarawak (3,747) dan Johor (2,165).

Selain itu, Sabah merekodkan 2,136 kes, Pulau Pinang (1,961), Kedah (1,587), Kelantan (1,078) dan Perak (1,057).

“Terengganu mencatatkan

sebanyak 861 kes, Kuala Lumpur (597), Melaka (459), Pahang (486), Negeri Sembilan (269), Perlis (78), Putrajaya (25) dan Labuan empat kes,” katanya pada Ahad.

Beliau berkata, terdapat lapan kes import dilaporkan dan 20,388 kes merupakan penularan tempatan yang membabitkan 17,858 rakyat tempatan dan 2,530 bukan warganegara.

“Daripada jumlah kes harian yang dilaporkan pada hari ini (Ahad), 322 kes adalah daripada kategori tiga hingga lima dan 20,074 kes lagi terdiri daripada kategori satu dan dua,” katanya.

Tambah Dr Noor Hisham, secara keseluruhan, 13,519 kes daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada sejaran vaksinasi atau menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

“Sebenarnya 6,877 kes mempunyai sejarah vaksinasi lengkap,” jelasnya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,338

kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 783 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

“Di ICU, sebanyak 379 kes merupakan kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan Covid-19.

“Sementara 299 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan daripada jumlah pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Menurutnya, terdapat 363 kes kematian dilaporkan KKM sekaligus menjadikan jumlah keseluruhannya, 18,219 kes yang membabitkan 274 rakyat tempatan dan 62 warga asing.

“Daripada jumlah kes kematian, terdapat 107 kes BID yang terdiri daripada 67 warganegara dan 40 bukan warganegara,” ujarnya.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenali pasti 37 kluster baru iaitu 21 kluster tempat kerja dan 12 kluster komuniti.

“Tiga kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu pusat tahanan turut dikenal pasti,” jelasnya.



DR NOOR HISHAM

MEMDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITAK?

6,877 kes mempunyai sejarah vaksinasi lengkap,” jelasnya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,338

kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 783 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

“Di ICU, sebanyak 379 kes merupakan kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan

daripada jumlah pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Menurutnya, terdapat 363 kes kematian dilaporkan KKM sekaligus menjadikan jumlah keseluruhannya, 18,219 kes yang membabitkan 274 rakyat tempatan dan 62 warga asing.

“Daripada jumlah kes kematian, terdapat 107 kes BID yang terdiri daripada 67 warganegara dan 40 bukan warganegara,” ujarnya.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenali pasti 37 kluster baru iaitu 21 kluster tempat kerja dan 12 kluster komuniti.

“Tiga kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu pusat tahanan turut dikenal pasti,” jelasnya.

“Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,338



Vaksinasi remaja bawah 18 tahun di Sarawak mula Rabu

KUCHING - Vaksinasi Covid-19 bagi remaja berusia bawah 18 tahun di Sarawak dijangka bermulai Rabu ini.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, ketika ini negeri itu di peringkat akhir melaksanakan persiapan untuk melaksanakan vaksinasi kumpulan itu.

Uggah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak memberitahu sedang membuat persiapan untuk melaksanakan program ini susulan pengumuman

Douglas memberitahu, setelah persiapan selesai, pengumuman secara terperinci berkaitan pelaksanaan proses vaksinasi itu akan dilakukan. - Bernama



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : SINAR NEGERI

Puji pendekatan Menteri Kesihatan kurangkan kes BID

IPOH - Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye memuji pendekatan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang menasarkan untuk menurunkan kes kematian pesakit tanpa rawatan hospital atau brought-in-dead (BID).

Beliau berkata, perkara itu adalah isu penting yang harus ditangani segera kerana menjadi penanda aras kepada sistem perkhidmatan kesihatan yang ketika ini berada dalam keadaan teruk.

Menurutnya, keadaan di mana ramai pesakit Covid-19 tidak sempat mendapatkan rawatan ke hospital atau tidak mahu ke hospital, menunjukkan berlaku kegagalan dalam sistem sedia ada dalam mengurangkan pandemik itu.

"Saya mengikuti janji dan apa yang disebut oleh Menteri Kesihatan yang mahu mengurangkan BID.

"Saya setuju dengan beliau bahawa perkara itu harus diteliti dengan baik kerana daripada apa yang kita tahu kesnya sudah berada pada tahap membimbangkan."

"Namun dalam perkara ini perlu ada penambahbaikan dilakukan agar benar-benar memberi kesan terutama dalam mengurangi pandemik Covid-19," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada pelancaran dan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Pusat Khidmat Rakyat



Boon Chye (kiri) mendengar lebih lanjut tawaran berasrama disediakan Kuala Lumpur City College di Ipoh pada Ahad.

Parlimen Gopeng dengan Kuala Lumpur City College di sini pada Ahad.

Ahli Parlimen Gopeng itu berkata, antara penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah menambah kemudahan hospital agar dapat menampung lebih ramai pesakit memandangkan risiko tinggi selepas sektor ekonomi dibuka.

Katanya, selain itu mewujudkan sistem kuarantin yang selamat di rumah dengan menyediakan pasukan pemantau dalam kalangan doktor atau pegawai kesihatan untuk memantau kadar oksigen dalam darah pesakit.

"Mereka yang belum divaksin atau tidak mendaftar sebagai penerima vaksin perlu diutamakan kerana kita tidak mahu kumpulan ini menjadi beban kepada perkhidmatan hospital-hospital dan mengakibatkan ke-

matian," katanya.

Pada 4 September lepas, media melaporkan Khairy Jamaluddin sebagai Menteri Kesihatan yang baharu telah menasarkan untuk menurunkan kes BID sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) untuk dicapai dalam 100 hari pertama merajui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam perkembangan lain, Boon Chye berkata, kerjasama dengan Kuala Lumpur City College merupakan tawaran berasrama kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menyertai program diploma pengurusan peruncitan, sijil peruncitan atau program kemahiran bahasa Inggeris yang disediakan institusi pengajian itu.

"Sebanyak 100 kuota disediakan dengan tajaan pembiayaan berasrama sehingga RM22,000," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Doktor kontrak letak harapan kepada KJ

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Doktor-doktor kontrak meletakkan sepenuhnya harapan kepada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin untuk membawa perubahan bagi memastikan tuntutan mereka dilantik secara tetap dalam kerajaan dapat direalisasikan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap gerakan Hartal Doktor Kontrak, Dr. Syahidul Ammar Said berkata, tempoh 100 hari adalah masa yang amat genting untuk kerajaan menumpukan perhatian terhadap isu itu yang sudah lima tahun tidak selesai.

"Kami tidak mahu sudah ditawarkan dengan pelbagai perkara kerana selama ini kerajaan hanya mengulangi perkara yang sama sahaja sebab itu ramai doktor kontrak yang marah kerana hanya diberi janji yang tidak pernah ditunaikan.

"Oleh sebab itu saya harap dengan kredibiliti Khairy diharap dapat membuat satu anjakan paradigma dan membawa perubahan untuk semua doktor kontrak di negara demi kebaikan sistem kesihatan di negara ini.

"Bukan sahaja melibatkan doktor kontrak semata, bahkan petugas barisan hadapan lain yang bersama-sama memerangi pandemik Covid-19 ketika ini yang sebahagian besarnya adalah lantikan kontrak," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kelmanin, Khairy dilaporkan berkata, isu lantikan doktor kontrak antara 26 perkara yang digariskan dalam tempoh 100 hari pentadbirannya sebagai Menteri Kesihatan dan isu tersebut kini berada dalam peringkat perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Utusan Malaysia masih mendapatkan maklum balas daripada Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan JPA berkenaan

“Tempoh 100 hari adalah masa yang amat genting untuk kerajaan menumpukan perhatian terhadap isu itu yang sudah lima tahun tidak selesai.”

SYAHIDUL AMMAR SAID

perkara itu.

Khairy dilantik sebagai Menteri Kesihatan menggantikan bekas penyandangnya iaitu Datuk Seri Dr. Adham Baba rentetan pertukaran pimpinan kerajaan yang menyaksikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan.

Pada 26 Julai lalu, sekumpulan pegawai perubatan kontrak mewakili 23,000 kalangan perjawatan itu berpakat mengadakan mogok di seluruh negara bertujuan untuk menuntut pelantikan tetap mereka dalam kerajaan.

Sementara itu, pegawai perubatan yang dikenali sebagai Dr. Wan, 29, berkata, beliau hanya mahukan ketelusan dalam proses lantikan doktor yang masih berstatus kontrak ke dalam perkhidmatan kerajaan.

Katanya, beliau sudah tidak melakukan hartal sekali lagi dan penantian selama lima tahun sehingga bertukar pimpinan diharap membawa berita gembira untuk kira-kira 23,000 doktor lantikan kontrak yang direkrut sejak 2016.

"Saya secara peribadi melihat tidak semua pegawai perubatan mahu menjadi pakar. Jadi, menteri harus mencari siapa doktor kontrak yang benar-benar mahu menjadi pakar untuk diberi peluang meneruskan pelajaran," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

PROPER MONITORING

CALLS MOUNT TO REVIEW QUARANTINE

Rise in BID cases leads to focus on categories 1 and 2 patients in home and self-quarantine

NOR AIN MOHAMED RADHI AND TEOH PEI YING
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

CALLS are mounting for the Health Ministry to review its procedures for Covid-19 home and self-quarantine patients in categories 1 and 2 following the rise in brought-in-dead (BID) cases.

Despite guidelines, many have expressed concern about their preparedness to handle loved ones quarantining at home, and what to do should their condition deteriorate.

Nurhidayah Hairom, 33, whose sister recently tested positive, said it would be better if all Covid-19 patients were admitted to hospitals or Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centres (PKRC) for monitoring by medical personnel.

Nurhidayah said when her sis-

ter was asked to self-quarantine, she was worried about how to care for her sibling despite the guidelines.

"It may be more comfortable for her to quarantine at home, but as her caretaker, my concern was how to care for her."

"I could only monitor her regularly from afar and make sure she had her meals on time," she said.

She said she had to repeatedly ask her sister if she was feeling all right.

"I've read about people experiencing happy hypoxia and was worried she would too."

She said given that hospitals and PKRCs were reporting lower admissions, they should now accommodate categories 1 and 2 patients as well.

A former Covid-19 patient said she was told to undergo home quarantine as she was asymptomatic.

"However, on the fourth day of isolation, I began experiencing breathing difficulties and fever. I rang the hospital, only to be told that it wasn't serious and that I should continue with my quarantine.

"I live alone. It was frustrating as you had no idea how serious your condition must get before you get treatment."



Another woman questioned why some elderly patients had been asked to undergo home quarantine.

She said a 70-year-old man in her apartment block tested positive on Aug 16 and died two days later while under home quarantine.

"Why was a 70-year-old man required to undergo home quarantine?"

On Saturday, the country reported 362 deaths, with 104 being BID cases.

The authorities had said that 80 per cent of BID cases were those without any history of being tested for the disease.

Health deputy director-general (Public Health) Datuk Dr Chong Chee Kheong was quoted as saying that some Covid-19 victims died because they either arrived too late for treatment or did not seek treatment.

Former Health deputy director-general Datuk Dr Christopher Lee said the surge in deaths in Selangor likely involved patients admitted some time ago.

"There is usually a lag of about two weeks before deaths will drop after hospital cases decrease."

Up to Saturday noon, 152 deaths were reported in Selangor, including 48 BID cases, despite the daily infections dropping below the 4,000 mark.

Up to Friday, Covid-19 bed usage in Selangor had dropped to 45 per cent, but intensive care units usage remained high at 97 per cent.

Lee, the national adviser on infectious diseases, said there were various reasons why BID cases remained high in Selangor.



Undertakers burying a victim of Covid-19 last month. On Saturday, Malaysia reported 362 deaths, with 104 fatalities being brought-in-dead cases. PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY



A health worker putting a tag on a Covid-19 patient at an assessment centre in Penang recently. PIC BY DANIAL SAAD

"This depends on whether they involved Malaysians or foreigners, including undocumented migrants.

"One reason is the failure to identify warning signs until it's too late.

"Although hypoxic, a patient might still feel comfortable until oxygen levels are significantly low, thus happy hypoxia.

"Also, there are cases where patients refuse to be admitted until very late. Some even try alternative treatments like Ivermectin at home.

"For undocumented migrants, their fear of being caught and deported must be a deterrent for coming in for care," he said.

He said providing access to pulse oximeters for home quarantine patients would help detect their deteriorating condition.

"The home monitoring system needs to be improved, and patients who flag warning signs on MySejahtera must be engaged promptly.

"The Selangor government has been providing oximeters on loan to those in home isolation, especially those in the B40 group."

Former Malaysian Medical Association president Datuk Dr N.K.S. Tharmaseelan said the government should keep the vaccination drive going as it could help to curb BID cases.

"BID cases can be curtailed if

people receive their vaccinations. Deaths, though possible, are rare among those who received both vaccinations.

"Keep the vaccination drive ongoing. We have yet to reach the goals set.

"Also, those with persistent symptoms and associated comorbidities should seek immediate medical attention," he said.

He said more testing should be done as that would detect asymptomatic cases.

"Infection numbers may increase with more testing, but it will diagnose those who are asymptomatic.

"This is why more testing is important even for those who have no symptoms. Screening all is necessary, and those with co-morbidities should be prioritised."

Dr Tharmaseelan stressed on the importance of strict adherence to the standard operating procedures (SOP), even for those who have been fully-vaccinated.

"The SOP, if not followed, will result in those who are vaccinated being infected.

"The SOP must become a way of life for all, including children.

"Frontliners and the government are doing their best to contain the pandemic.

"We should follow the SOP strictly and ensure others do it too to ensure that efforts don't go to waste."



Datuk Dr
Christopher Lee

Cases exceed 20,000 after 2-day dip

KUALA LUMPUR: After a brief dip over two days, new Covid-19 cases surged past the 20,000 mark with 20,396 infections recorded yesterday.

On Saturday, the country had recorded 19,057 cases, while on Friday, new cases rose slightly to 19,378.

From the 20,396 cases reported yesterday, an overwhelming majority were local transmissions, with only eight imported cases.

The numbers pushed the total to 1,844,835 cases.

Active cases stood at 255,789.

From the total, 959 patients were in intensive care units with 436 requiring ventilator support.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor topped the chart with 3,886 infections, with Sarawak and Johor at 3,747 and 2,165, respectively.

He said Sabah reported 2,136 cases, followed by Penang with 1,961 cases, Kedah with 1,587 cases, Kelantan with 1,078 cases and Perak with 1,057 cases.

States with three-digit case figures were Terengganu at 861,

Kuala Lumpur with 597, Pahang with 486, Melaka 459 with, Negri Sembilan with 269, Perlis with 78, Putrajaya with 25 and Labuan with four.

There were 336 fatalities recorded, bringing total Covid-19 deaths to 18,219. The country saw 20,573 recoveries, which brought the total to 1,570,827.

Meanwhile, under the Covid-19 National Immunisation Programme, 20.4 million people have received their first dose of the vaccine, and 15.8 million have completed both doses.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Under-18s to be vaccinated in Sarawak from Wednesday

KUCHING: The Covid-19 vaccination initiative for those below 18 years in Sarawak is expected to begin on Wednesday, says Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Uggah, who is also state disaster management committee chairman said Sarawak was finalising preparations to vaccinate the group.

"We are now making preparations to implement this as Health Minister Khairy Jamaluddin already announced that the nationwide programme would begin in Sarawak on Wednesday.

"This is because Sarawak had reached its benchmark 80% vaccinated adults," he said in a statement yesterday.

Uggah said once the preparations are done, the details would be announced.

Meanwhile, Uggah repeated his appeal to a small group of Sarawakians who had refused to be vaccinated to do so immediately.


"So long as these people are not vaccinated, they would endanger themselves and others.

"This is more so now when we are experiencing more positive cases. — Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION



New cases cross 20k mark again

KUALA LUMPUR: Malaysia's daily Covid-19 cases crossed the 20,000 mark again with 20,396 new infections recorded in the last 24 hours.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Malaysia's daily cases fell to 19,057 on Saturday and 19,378 on Friday.

In a post on his official Facebook and Twitter, he said the cumulative number of Covid-19 infections in Malaysia reached 1,844,835 cases.

"Selangor recorded the highest number of new infections with 3,886 cases, followed by Sarawak (3,747), Johor (2,165), Sabah (2,136), Penang (1,961) and Kedah (1,587).

"Kelantan recorded 1,078 cases, Perak (1,057), Terengganu (861), Kuala Lumpur (597), Pahang (486), Melaka (459), Negri Sembilan (269), Perlis (78), Putrajaya (25) and Labuan (four)," he said yesterday.

In a separate infographic post, Dr Noor Hisham said as of 5pm on Saturday, non-intensive care unit (ICU) bed usage in Covid-19 hospitals in the country stood at 75% from 18,581 beds.

ICU bed usage, meanwhile, was at 86% out of 1,586 beds, he added. — Bernama